



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KUNJUNGAN HORMAT *EU-ASEAN BUSINESS COUNCIL* (EU-ABC) KE ATAS YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PUTRAJAYA, 7 OGOS 2026 – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menerima kunjungan hormat daripada Encik Chris Humphrey, Pengarah Eksekutif *EU-ASEAN Business Council* (EU-ABC) dan delegasinya di Wisma Tani, Putrajaya pada 6 Ogos 2026. Sesi ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Norazman bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Jabatan di bawah KPKM.

YB Menteri telah menegaskan bahawa Kesatuan Eropah (EU) merupakan antara rakan komersial dan teknologi terpenting bagi Malaysia dalam usaha untuk melakukan transformasi sistem agromakanan negara ke arah yang lebih mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi. Langkah ini amat kritikal dalam mendepani cabaran keterjaminan makanan global, perubahan iklim, serta gangguan rantai bekalan dunia.

Pertemuan ini memfokuskan kepada empat perkara utama iaitu pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) bagi keterjaminan makanan, penerapan teknologi pertanian dan Kecerdasan Buatan (AI), pemerkasaan rantai bekalan tenusu tempatan, serta pengukuhan piawaian kesihatan haiwan dan biosekuriti.

YB Menteri turut menzahirkan harapan kepada syarikat-syarikat EU untuk memberi sokongan berterusan kepada Malaysia dan ASEAN untuk membangunkan pembangunan kapasiti petani dan penternak tempatan, khususnya dalam pematuhan standard kualiti, langkah Sanitari dan Fitosanitari (SPS), penerokaan pasaran baharu serta kemudahan perdagangan (*trade facilitation*). Selain itu, kedua-dua belah pihak turut menyatakan sokongan dan komitmen dalam menyokong rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia–Kesatuan Eropah (MEUFTA) yang sedang berlangsung.

KPKM menyeru agar lebih banyak kerjasama strategik dilaksanakan di antara syarikat-syarikat EU dengan syarikat tempatan terutama berkaitan teknologi dalam sektor pertanian bagi memodenkan rantai bekalan agromakanan negara, sekali gus menjamin ketersediaan makanan untuk seluruh rakyat Malaysia.

YB Menteri turut mengambil kesempatan di sesi ini untuk menjemput delegasi EU-ABC menghadiri Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2026 yang dijadualkan pada 28 Ogos 2026 hingga 6 September 2026 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

